

Peratoran pakaian untok pertabalan

- 8 OCT 1963

IPOH, Ithnin.—Peratoran2 pemakaian yang keras telah di-ator untok tetamu2 yang menghadiri majlis2 jamun pertabalan Sultan dan Raja Perempuan Perak pada akhir bulan ini demikian di-umuhmkan dalam Majlis Undangan Negeri Perak hari ini.

Untuk orang2 yang bukan Melayu yang tidak memakai pakaian Barat sa-chara rasmi, harus memakai pakaian kebangsaan hitam untok semua majlis.

Tetapi orang2 Melayu yang menghadiri majlis pertabalan pada 27 Oktober tidak di-benarkan memakai pakaian warna kuning, puteh atau hitam ia-itu warna rasmi di-raja Perak.

Di-bawah ini ia-lah peratoran2 rasmi mengenai pakaian dalam majlis2 pertabalan:-

(1) Pertabalan Sultan pada 26 Oktober dan Raja Perempuan pada 27 Oktober.

Pakain rasmi: Orang2 Melayu — pakaian kebangsaan rasmi ia-lah tanjak, Baju Melayu chekak musang (leher berkapok) samping, bengkong, keris kechil (orang besar2 dan datok2 sahaja), songkok hitam dan sepatu.

Kebaya laboh

Perempuan: Kebaya laboh dengan selendang (selendang harus berlainan warna-nya dengan warna baju). Chatatan: Warna kuning, puteh atau hitam tidak di-benarkan.

(b) Lain2: Sama ada pakaian "morning suit" atau "loung suit" dengan kemeja puteh dan kolar puteh

serta sepatu hitam. Chatatan: Kalau ada bintang2 kebesaran yang di-pakai untuk di-kalong ka-leher sama ada dengan di-ser-tai 'morning suit' atau "lounge suit" maka tali leher harus-lah menggunakan 'bow.'

(c) Bintang2 kebesaran hendak-lah di - gunakan bersama2 (A) dan (B).

(2) Jamuan di-raja pada 27 Oktober: Pakaian rasmi: (A) Orang2 Melayu saperti dalam cheraian 1 (A) di atas kechuali warna pakaian hendak-lah hitam tanpa berkeris.

RC
INFORMATION RESOURCE CENTRE